
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RMK 354 – Undang-Undang Binaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. Penggunaan berleluasa "borang seragam kontrak pembinaan" pada asalnya mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Namun semasa penggunaannya pula, wujud pelbagai kelemahan atau masalah. Bincangkan kenyataan diatas.

(25 markah)

2. Ahli-ahli profesional yang tidak mendaftar adalah mengundang keburukan dan masalah kepada mereka sendiri. Huraikan kenyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana satu ahli profesional yang berkaitan dengan industri pembinaan.

(25 markah)

3. Salah satu aspek pengurusan risiko dipihak klien projek ialah dengan memperkenankan bon yang dikeluarkan oleh pihak ketiga (bank atau syarikat insurans).

Bincangkan mana-mana satu daripada bon tersebut daripada aspek-aspek berikut:-

- (i) Kegunaannya daripada perspektif klien
- (ii) Ciri utama bon tersebut
- (iii) Dalam kes kegagalan pihak yang dijamin, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh klien bagi memperolehi manfaat daripada bon tersebut.

(25 markah)

4. Obligasi tersirat kontraktor ialah membekalkan bahan-bahan binaan yang layak untuk maksud ianya hendak digunakan iaitu berkualiti boleh dagang dibawah Akta Jualan Barangan 1957.

Bincangkan S. 16 (1) (a) dan S. 16 (1) (b) Akta Jualan barangan 1957 berserta kes-kes yang berkaitan.

(25 markah)

...3/-

- 3 -

5. Heonig lawan Isaacs [1952] 2 All E.R. Kenyataan Hakim Lord Denning

'.....bayaran Kemajuan kerja yang akan dibuat [oleh klien] bagi kerja yang dijalankan, namum wang tahanan akan ditahansimpan sehinggalah kerja-kerja itu selesai. Kemudiannya perlaksanaan seluruhnya biasanya merupakan prasyarat kepada pembayaran wang tahunan tetapi tentunya tidak pada masa bayaran-bayaran Kemajuan. Kontraktor adalah berhak untuk pembayaran secara pro rata sebaik kerja dilakukan, dengan ditolak pemotongan bagi wang tahanan. Namum dia tidak berhak kepada wang tahanan itu sehingga kerja itu siap sepenuhnya, tanpa kecacatan atau kegagalan.'

Bincangkan kenyataan ini dalam kontek wang tahanan.

(25 markah)

-ooo O ooo-